

# Pertahankan maruah negara

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan pembangunan negara bukan untuk bermegah-megah tetapi bagi memelihara maruah dan keselamatan.

Selagi kita tidak mempunyai kebolehan dan kemampuan membangun negara sendiri, selama itulah kita akan ditindas dan dihina secara langsung atau tidak langsung," tegas Perdana Menteri di Majlis Perhimpunan Hari Belia Negara di Stadium Negara, pagi ini.

Untuk mencapai matlamat pembangunan, beliau menjelaskan, tenaga belia diperlukan. "Kecekapan dan kemahiran boleh diperolehi melalui latihan dan pengalaman dan Kerajaan sanggup mengadakan segala kemudahan latihan sesuai dengan kelayakan dan keperluan masing-masing."

Menurut Perdana Menteri, yang penting ialah kesanggupan belia memikul tanggungjawab dengan bekerja keras bagi mempertahankan maruah negara.

Mengenal belia yang terlalu memilih kerja, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata. "Sebenarnya jika terdapat sikap sanggup bekerja tidak ada seorang pun yang akan menganggur di Malaysia. Tetapi, kerana terlalu memilih, baik dari segi jenis kerja ataupun tempat kerja, pengangguran sentiasa mengiringi kita. Keadaan seperti ini hanya mengakibatkan pembangunan Malaysia tergendala dan maruah kita terancam."

Kerajaan, tegasnya, telah pun menentukan matlamat dan jentera yang akan digunakan untuk menjadikannya Malaysia negara yang dihormati dan disegani oleh dunia.

Di samping itu, kese-

disisahkan dari belia. Tidak ada yang dinikmati oleh masyarakat dan negara yang tidak dikecap oleh belia. Tiap tindakan dan usaha belia akan membawa kesan dan akibat kepada belia juga.

Beliau menyeru para belia berusaha dengan bersih, cekap dan amanah tanpa melepaskan nilai-nilai rohaniyah.

Mereka hendaklah menganuti falsafah hidup yang tidak mengutamakan kepentingan diri semata-mata. Kepentingan negara hendaklah diambil kira bersama, tegas Perdana Menteri.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Koperasi Belia Nasional (Kobena) dan Koperasi Pemuda Indonesia (Kopindo) atas kejayaan memulakan kerjasama di bidang ekonomi.

Beliau berharap, kerjasama seperti itu akan juga dapat dibuat dengan negara-negara Asean yang lain.

Terdahulu itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim menyeru kaum belia melibatkan diri tanpa berbelahbagi untuk memenuhi cita-cita kerajaan yang mahu mewujudkan negara maju dan dihormati.

Beliau mengajak para belia berfikir dan bertanyakan, "apakah masih perlu identiti kita dikenal dengan nama-nama yang kadangkala membataskan usaha masyarakat belia yang bersatupadu."

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

jahteraan hidup rakyat tidak akan diabaikan.

Bersih, Cekap dan Amanah adalah cogan kata semua rakyat dan ia tidak akan diabaikan sebagai cogan kata-sahaja, katanya.

"Rakyat telah merestui matlamat

Kerajaan dan memberi mandat kepadanya. Sekarang bukan lagi masa untuk berhujjah tetapi masa melaksanakan janji," tegas Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kemajuan tidak dapat

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2740 .....  
No. Penerimaan ..... 1186/85 .....